Mohammad Bin Ngah

lwn

Noor Sakinah Binti Mahmud

Fatimah Binti Ngah

Hairidah binti Bahaudin

Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor, Kes Rayuan Mal No.: 2310-A0010-001-0107 (YAA Datuk Haji Mohd Radzi bin Hj. Abd Latif (Pengerusi), YA Dato' Haji Mohd Shakir bin Abd. Hamid (Panel) dan YA Dato' Haji Abas bin Nordin (Panel) Pada 8 Januari 2025 bersamaan Rejab 1446H]

Undang-undang Pentadbiran Islam - *Rayuan Pengesahan Hibah di bawah seksyen 61(3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003*

Undang-unddang Keterangan – *Dokumen sebagai rekod keterangan - s. 62 dan 63 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002.*

Fakta Kes

[1] Rayuan ini dibuat oleh Perayu kerana tidak berpuashati dengan keseluruhan keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 19/10/2023 dalam Kes Mal No.: 10300-044-0858-2018 yang telah meluluskan tuntutan Responden 1 dan memerintahkan sebagaimana berikut:-

a.Mahkamah mengesahkan bahawa Dokumen Pengisytiharan Pemberian dan Penerimaan Hibah bertarikh 2/9/2015 dan Dokumen Pengisytiharan Pemberian dan Penerimaan Hibah bertarikh 21/10/2015 adalah memenuhi rukun dan syarat hibah serta menepati hukum syarak.

b.*Mahkamah mengisytiharkan bahawa Puan Noor Sakinah binti Mahmud No. KP: 890207-11-5428 (Plaintif) berhak ke atas 1/1 bahagian bagi hartanah dikenali sebagai rumah kediaman di PT 20913 di Sebelah Timur Taman Maluri, Mukim Empang, Hulu Langat, Selangor No. Geran H.S.(M) 21290, PT 20913, Mukim*

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

Empang, Daerah Hulu Langat, Selangor.

c.Mahkamah mengisytiharkan bahawa Puan Noor Sakinah binti Mahmud No. KP: 890207-11-5428 (Plaintif) berhak ke atas 1/2 bahagian bagi hartanah dikenali sebagai rumah kediaman dan tanah di No. 10899K, Belakang Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, 23100 Terengganu Darul Iman No. Geran Pajakan Mukim 3216, No. Lot 31866, Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu, Negeri Terengganu.

d.Mahkamah mengisytiharkan bahawa Hairidah binti Bahaudin No. KP: 511102-04-5088 (Defendan 3) berhak ke atas 1/2 bahagian bagi hartanah dikenali sebagai rumah kediaman dan tanah di No. 10899K, Belakang Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, 23100 Terengganu Darul Iman No. Geran Pajakan Mukim 3216, No. Lot 31866, Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu, Negeri Terengganu.

[2] Perayu telah memfailkan Notis Rayuan pada 26/10/2023 untuk merayu keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah. Perayu kemudiannya telah memfailkan Alasan Rayuan bertarikh 7/12/2023 dengan mengemukakan tujuh (7) Alasan Rayuan iaitu:

a.YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah ter*khilaf* dan/atau tersilap dari aspek fakta dan/atau pertimbangan undang-undang dan/atau hukum syarak apabila menerima tuntutan hibah Responden 1 dan mensabitkan hibah

b. Dokumen Pengisytiharan Pemberian & Penerimaan Hibah bertarikh 2/9/2015 dan Dokumen Pengisytiharan Pemberian & Penerimaan Hibah bertarikh 21/10/2015 adalah selari dengan rukun dan syarat hibah serta menepati hukum syarak.

b.YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah ter*khilaf* dan/ atau tersilap dari aspek fakta dan/atau pertimbangan undang-undang dan/atau hukum syarak apabila memutuskan ijab dan qabul sah secara tulisan yang mengambil tempat ijab dan qabul yang dibuat secara lisan.

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

c.YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah ter*khilaf* dan/atau tersilap dari aspek fakta dan/atau pertimbangan undang-undang dan/atau hukum syarak apabila menerima keterangan saksi-saksi Responden 1 yang bercanggah dengan keterangan Responden berkaitan lafaz ijab dan qabul.

d.YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah ter*khilaf* dan/atau tersilap dari aspek fakta dan/atau pertimbangan undang-undang dan/atau hukum syarak apabila menerima keterangan saksi-saksi Responden 1 yang kompeten walaupun keterangan saksi-saksi tersebut bercanggah dengan keterangan Responden berkaitan lafaz ijab dan qabul.

e.YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah ter*khilaf* dan /atau tersilap dari aspek fakta dan/atau pertimbangan undang-undang dan/atau hukum syarak apabila memutuskan perkataan-perkataan yang tertera dalam Dokumen Pengisytiharan Pemberian & Penerimaan Hibah bertarikh 2/9/2015 dan Dokumen Pengisytiharan Pemberian & Penerimaan Hibah bertarikh 21/10/2015 secara jelas menunjukkan tentang pindahmilik dan/atau pertukaran nama terhadap hartanah-hartanah tersebut sehingga sekarang.

f. YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah ter*khilaf* dan/atau tersilap dari aspek fakta dan/atau pertimbangan undang-undang dan/atau hukum syarak apabila menyatakan adanya Tuntutan Balas daripada pihak Perayu terhadap Responden 1 sedangkan Perayu tidak ada membuat apa-apa Tuntutan Balas terhadap Responden 1.

g.YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah ter*khilaf* dan/atau tersilap dari aspek fakta dan/atau pertimbangan undang-undang dan/atau hukum syarak apabila menyatakan si mati semasa hayatnya pernah berkahwin tetapi tidak dikurniakan anak.

Diputuskan

SETELAH Kami meneliti Rekod Rayuan dan penghujahan kedua-dua belah pihak, MAKA kami sebulat suara memutuskan bahawa :-

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

1.Rayuan Perayu **DITOLAK.**

2.Perintah Mahkamah Tinggi Syariah di dalam kes no. 10300-044-0858-2018 bertarikh 19/10/2023 adalah **DIKEKALKAN.**

3.Perayu diperintahkan membayar kos sebanyak RM3,000.00 kepada Responden 1.

Peguam Syarie

Perayu *: diwakili oleh Tuan Nor Azmi bin Mohd Arif daripada Tetuan Azmi Mawaddah Rizz & Associates)*

Responden 1 *: diwakili oleh Tuan Muhammad Hafiz bin Ab Rashid daripada Tetuan Hafiz & Co.)*

Responden 2 dan 3 *: Tidak Diwakili*

Surah Al-Quran yang dirujuk

Tiada.

Undang-undang yang dirujuk

1 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 – s. 62 dan 63

. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003- s. 61(3)(b)(vi)

2

Kes-kes yang dirujuk

Tiada

Kitab-kitab yang dirujuk

Tiada

Penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor, Kes Rayuan Mal No.: 2310-A0010-001-0107 (YAA Datuk Haji Mohd Radzi bin Hj. Abd Latif (Pengerusi), YA Dato' Haji Mohd Shakir bin Abd. Hamid (Panel) dan YA Dato' Haji Abas bin Nordin (Panel)

[3] Perayu dan Responden 2 merupakan adik beradik kandung kepada Pemberi Hibah iaitu Allahyarhamah Zubaidah binti Ngah (simati). Si mati telah meninggal dunia pada 17/9/2018 disebabkan penyakit *Severe Steven Syndrome*. Manakala Responden 1

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

merupakan anak angkat kepada simati (Pemberi Hibah) dan Responden 3 pula merupakan sahabat karib kepada Pemberi Hibah.

[4] Responden 1 telah memfailkan satu Tuntutan Pengesahan Hibah di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor melalui Kes No.: 10300-044-0858-2018 untuk menuntut agar Mahkamah mengesahkan pemberian hibah secara dokumen yang dibuat oleh Allahyarham si mati pada 2/9/2015 dan 21/10/2015 di Pejabat Wasiyyah Shoppe di hadapan dua saksi kepada Responden 1 sebanyak 1/1 bahagian bagi hartanah hartanah dikenali sebagai rumah kediaman di PT 20913 di Sebelah Timur Taman Maluri, Mukim Empang, Hulu Langat, Selangor No. Geran H.S.(M) 21290, PT 20913, Mukim Empang, Daerah Hulu Langat, Selangor dan 1/2 bahagian bagi hartanah dikenali sebagai rumah kediaman dan tanah di No. 10899K, Belakang Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, 23100 Terengganu Darul Iman No. Geran Pajakan Mukim 3216, No. Lot 31866, Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu, Negeri Terengganu. Selain itu Responden juga menuntut agar disahkan hibah simati sebanyak 1/2 bahagian kepada Responden 3 bagi hartanah dikenali sebagai rumah kediaman dan tanah di No. 10899K, Belakang Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, 23100 Terengganu Darul Iman No. Geran Pajakan Mukim 3216, No. Lot 31866, Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu, Negeri Terengganu.

[5] Setelah kesemua dokumen kes Tuntutan Pengesahan Hibah diserah sampaikan kepada semua pihak, Responden 2 dan Responden 3 bersetuju dengan tuntutan Responden 1 manakala Perayu tidak bersetuju dan memohon agar mahkamah menolak tuntutan tersebut.

[6] Perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah telah dijalankan dengan Responden 1 (Plaintif) telah memberikan keterangan bersama dua orang saksi. Manakala Responden 2 (Defendan 2) dan Responden 3 (Defendan 3) tidak memberikan sebarang keterangan kerana telah bersetuju dengan tuntutan Responden 1. Perayu (Defendan 2) dalam kes tersebut telah memberikan keterangan secara bertulis dan tidak mengemukakan sebarang saksi.

[7] Mahkamah seterusnya telah memutuskan kes ini pada 19/10/2023 sebagaimana perintah seperti di perenggan 1 penghakiman ini.

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

ANALISIS DAN ULASAN MAHKAMAH RAYUAN

[8] Bagi maksud rayuan ini, kami telah meneliti Notis Rayuan, Alasan Rayuan, Rekod Rayuan dan Penghujahan bertulis yang telah dikemukakan oleh pihak Perayu da Responden 1 serta Alasan Penghakiman YA Hakim Bicara. Berdasarkan keseluruhan Alasan Rayuan yang dikemukakan dan dihujahkan oleh pihak Perayu, kami berpendapat bahawa isu penting yang releven dan perlu diputuskan dalam rayuan ini adalah berkenaan sama ada YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) telah terkhilaf apabila mengesahkan hibah yang dibuat oleh simati kepada Responden 1 dan Responden 3 adalah memenuhi rukun-rukun hibah dan sah mengikut hukum syarak bersandarkan kepada Dokumen Pengisytiharan Hibah bertarikh 2/9/2015 dan 21/10/2015.

ISU: SAMA ADA YA HAKIM MTS TERKHILAF APABILA MENGESAHKAN HIBAH YANG DIBUAT OLEH SIMATI KEPADA RESPONDEN 1 DAN RESPONDEN 3 ADALAH MEMENUHI RUKUN-RUKUN HIBAH DAN SAH MENGIKUT HUKUM SYARAK BERSANDARKAN DOKUMEN PENGISYTIHARAN HIBAH BERTARIKH 2/9/2015 DAN 21/10/2015.

[9] Merujuk kepada isu di atas, kami dapati YA Hakim Bicara di dalam Alasan Penghakiman di perenggan [29] hingga [30] di muka surat Rekod Rayuan (terdapat kesilapan susunan nombor perenggan dalam Alasan Penghakiman) iaitu:

...[29] Di dalam kes ini, bagi Hartanah 1 tersebut, lafaz ijab telah dilafazkan oleh Pemberi Hibah sepertimana yang terdapat di dalam para 3 di muka surat 1 hingga muka surat 3 Surat Hibah 1 tersebut iaitu:

3.Maka saya dengan ikhlas dan rela hati menghibahkan harta di bawah ini kepada

BIL	Jenis Harta	Maklumat Hartanah	No. Geran	Nama, No.Kad Pengenalan Penerima Hibah	Hubungan dengan Penghibah	Pecahan Pembahagian
1	Harta Tak	PT 20913,	No. Geran	Puan Noor A	ANAK	1/1

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

	Alih (Rumah Kediaman)	Disebelah di Sebelah Timur Taman Maluri, Mukim Empang, Hulu Langat, Selangor	H.S.(M) 21290, PT 20913, Mukim Empang, Daerah Hulu Langat, Selangor	Sakinah binti Mahmud No. KP: 890207-11-5428	ANGKAT	

[38] Manakala lafaz qabul pula, terdapat di Para 7 di muka surat 4 Surat Hibah 1 tersebut iaitu: *"saya .....dengan ini mengaku bahawa saya adalah orang Islam yang cukup umur, berada di dalam keadaaan sihat tubuh badan dan waras fikiran, tanpa sebarang paksaan dan penuh kerelaan hati saya sendiri bersetuju menerima Hibah yang tersebut di atas.*

[39] Begitu juga bagi hartanah 2 tersebut, lafaz ijab telah dilafazkan oleh Pemberi Hibah sepertimana yang terdapat di dalam para 3 di muka surat 1 hingga muka surat 3 Surat Hibah 2 tersebut iaitu:

3. Maka saya dengan ikhlas dan rela hati menghibahkan harta di bawah ini kepada penama-penama seperti berikut:

BIL	Jenis Harta	Maklumat Hartanah	No. Geran	Nama, No.Kad Pengenalan Penerima Hibah	Hubungan dengan Penghibah	Pecahan Pembahagian
2.	Harta Tak Alih (Rumah Kediaman	No. 10899K, Pajakan Belakang Lapangan Terbang	Mukim 3216, No. Lot 31866,	1.Puan Noor Sakinah binti Mahmud No. KP: 890207-	ANAK ANGKAT	1/2

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

	dan tanah)	Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, 23100 Terengganu Darul Iman	Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu, Negeri Terengganu.	11-5428 2.Hairidah binti Bahaudin No. Kad Pengenalan 511102-04-5088	SAHABAT	1/2

[30] Oleh itu, Mahkamah berpuashati tentang perkataan-perkataan yang tertera dalam borang ini secara jelas menyebutkan tentang pindahmilik dan ditandatangani /dicap jari oleh pihak-pihak. Dan ia dikira ijab dan qabul yang sah secara tulisan yang mengambil tempat ijab dan qabul yang dibuat secara lisan yang sesuai dengan kaedah yang dikemukakan oleh Mahkamah.

[10]Walau bagaimanapun dapatan YA Hakim MTS di atas tidak dipersetujui oleh pihak Perayu dan Perayu menghujahkan bahawa telah wujud kecacatan iaitu dari sudut ruku dan syarat hibah dalam transaksi kedua-dua hibah tersebut. Selain itu Perayu turut menghujahkan berkenaan isu pembuktian di mana wujud percanggahan keterangan di antara Responden 1 dan saksi-saksi yang dikemukakan. Oleh itu Perayu menegaskan bahawa YA Hakim MTS telah ter*khilaf* apabila mengesahkan kedua-dua hibah tersebut adalah sempurna mengikut hukum syarak.

[11]Responden-Responden pula berpendapat sebaliknya. Menurut Responden-Responden rukun dan syarat hibah telah sempurna berdasarkan fakta-fakta yang telah dibuktikan melalui isi kandungan dalam kedua-dua dokumen hibah tersebut. Justeru menurut Responden pihak Perayu telah salah apabila menyatakan hibah tersebut adalah tidak sah mengikut syarak dan menegaskan bahawa YA Hakim Bicara tidak melakukan apa-apa ke*khilaf*an dalam dapatannnya dan bersetuju dengan dapatan tersebut.

SALINAN LAMAN WEB IAKESS

[12]Bagi memutuskan isu ini kami telah meneliti secara mendalam kedua-dua dokumen hibah bertarikh 2/9/2015 dan 21/10/2015 sebagaimana di muka surat 351-358 Rekod Rayuan. Dapatan kami bahawa kandungan dokumen-dokumen tersebut menunjukkan wujudnya lafaz ijab dan qabul, penyataan yang jelas berkenaan barang yang dihibahkan serta kehadiran semua pihak yang terlibat iaitu Pemberi Hibah, penerima-Penerima hibah dan kehadiran dua orang saksi.

[13]Hasil penelitian kami menunjukkan bahawa dokumen-dokumen hibah tersebut juga telah menyatakan dengan jelas bahawa semasa lafaz ijab dibuat simati berada dalam keadaan sihat, waras dan tanpa paksaan dan transaksi hibah dibuat dengan kerelaan simati. Kami dapati elemen-elemen ini gagal disanggah oleh Perayu untuk menunjukkan sebaliknya kerana kami tidak menemui apa-apa fakta atau bukti yang boleh menunjukkan bahawa transaksi hibah ini dibuat dalam keadaan terpaksa atau ketika *marad al-mawt.* Apatah lagi jarak di antara dokumen hibah dibuat iaitu pada 2/9/2015 dan 21/10/2015 dengan tarikh kematian simati iaitu pada 17/9/2018 adalah bukan suatu tempoh masa yang singkat bahkan memakan masa hampir 3 tahun.

[14]Oleh yang demikian, berdasarkan kandungan dokumen-dokumen tersebut kami berpuashati bahawa keseluruhan rukun-rukun hibah dalam kedua-dua transaksi hibah bertarikh 2/9/2015 dan 21/10/2015 telah dipenuhi dan sempurna mengikut hukum syara'.

[15]Sungguhpun terdapat syarat dalam transaksi hibah tersebut sebagaimana yang dihujahkan oleh pihak Perayu, pada hemat kami syarat tersebut tidak menggangu dan tidak menjadi pertikaian kepada kesahan hibah tersebut. Dalam hal ini kami merujuk kepada keputusan fatwa Negeri Selangor bertarikh 12 Januari 2021 dan diwartakan pada 8 April 2021 iaitu:

> **FATWA HIBAH DI NEGERI SELANGOR**
>
> *1....*
>
> *2. Hibah yang menetapkan syarat Penghibah masih boleh menikmati harta yang dihibahkan (mawhub), adalah sah sekiranya penerima hibah bersetuju dengan syarat yang telah ditetapkan.*
>
> **(https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-hibah-di-negeri-selangor/)**

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

[16]Berdasarkan fatwa tersebut secara jelas menunjukkan syarat yang menjadi pertikaian pihak Perayu tidak menjadi suatu halangan untuk hibah tersebut disahkan. Justeru dalam hal ini kami bersetuju dengan dapatan YA Hakim bicara yang mengesahkan hibah tersebut bersandarkan otoriti yang telah dikemukakan.

[17]Selain itu kami juga mendapati Perayu ada membangkitkan isu berkaitan hibah secara tulisan. Dalam hal ini kami berpendapat suatu hibah yag dibuat secara bertulis tidak menjadi halangan kepada kesahan sesuatu hibah tersebut dengan syarat ia memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat hibah. Hal ini adalah bersandarkan kepada suatu kaedah fiqh iaitu *alkitabah ka al khitab* yang bermaksud tulisan itu seumpama ucapan.

[18]Bagi mengukuhkan dapatan ini, kami merujuk kepada kes **Zanani binti Mohd Noor lwn Rolbiah binti Ahmad (Jurnal Hukum.2008. Jld 26, Bhg 2)**. Dalam kes tersebut Perayu telah berjaya mengemukakan bukti bertulis iaitu dokumen Surat Pemegang Amanah yang dibuat di hadapan Hj Che Mat dan diperakui sah oleh Tuan Mat bin Tuan Soh iaitu Penolong Ketua Jajahan Jeli, Pejabat Tanah Jeli, Kelantan. Bukti bertulis ini boleh diterima dalam sesuatu prosiding kes dan disokong oleh seksyen 62 dan 63 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002.

[19]Selain itu kami juga mendapati Perayu ada membangkitkan isu berkenaan YA Hakim Bicara telah ter*khilaf* kerana menerima keterangan saksi-saksi Responden 1 yang bercanggah dengan keterangan Responden 1 berkaitan lafaz *ijab* dan *qabul*. Berkenaan isu ini kami dapati YA Hakim Bicara tidak ter*khilaf* kerana keterangan saksi-saksi Responden 1 bukan bercanggah dengan keterangan Responden tetapi saksi-saksi tersebut tidak ingat akan fakta sebagaimana yang dinyatakan oleh Responden. Hal ini adalah kerana telah berlalu masa yang agak lama daripada tarikh berlakunya hibah tersebut. Pada hemat kami hal berkenaan saksi-saksi Responden tidak ingat sepenuhnya fakta berkaitan lafaz ijab dan qabul ini tidak bermakna hibah tersebut tidak berlaku kerana pihak Responden 1 telah berjaya membuktikan kewujudan hibah tersebut melalui dokumen- dokumen hibah bertarikh 2/9/2015 dan 21/10/2015 yang telah memenuhi rukun-rukun hibah dan sah mengikut hukum syarak. Oleh itu kami mendapati dakwaan Perayu berkenaan isu ini dengan hormatnya adalah ditolak.

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

[20]Justeru berdasarkan ulasan dan autoriti di atas kami mendapati YA Hakim Bicara tidak ter*khilaf* apabila mengesahkan hibah yang dibuat oleh si mati kepada Responden 1 dan Responden 3 bersandarkan kepada Dokumen Pengisytiharan Hibah bertarikh 2/9/2015 dan 21/10/2015. Oleh yang demikian kami tidak berhasrat untuk campur tangan keputusan YA Hakim tersebut dan bersepakat untuk mengukuhkan keputusan Hakim Bicara yang telah diputuskan dalam kes ini

KEPUTUSAN

SETELAH Kami meneliti Rekod Rayuan dan penghujahan kedua-dua belah pihak, MAKA kami sebulat suara memutuskan bahawa :-

1. Rayuan Perayu **DITOLAK.**
2. Perintah Mahkamah Tinggi Syariah di dalam kes no. 10300-044-0858-2018 bertarikh 19/10/2023 adalah **DIKEKALKAN.**
3. Perayu diperintahkan membayar kos sebanyak RM3,000.00 kepada Responden 1.

SALINAN LAMAN WEB JAKESS